

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAカン]**

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan agar membuat kajian menyeluruh kepada keperluan membina sekolah menengah baharu yang lengkap dengan asrama dan rumah guru untuk menggantikan bangunan bangunan usang dan daif SMK Kalabakan yang mempunyai tidak kurang dari 700 murid tempatan luar bandar di mana anak-anak kecil seawal darjah satu di kawasan perladangan Benta Wawasan SIB, terpaksa melalui perjalanan jauh ke sekolah-sekolah terdekat di SK FELDA Umus dan SK Luasong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan terus memberi perhatian kepada usaha menyediakan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah yang dapat berfungsi dengan baik, untuk semua sekolah di seluruh negara. Ini adalah penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam keadaan selamat di sekolah.

KPM juga sentiasa memantau keadaan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah, melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Dalam hal ini, KPM mempunyai maklumat perincian mengenai fizikal komponen atau fasiliti bangunan di sekolah yang tidak sempurna, tidak berfungsi dan tidak selamat.

Mulai tahun 2019, KPM melaksanakan analisis skor gred impak sebagai penambahbaikan bagi menentukan tahap keadaan fizikal komponen atau fasiliti bangunan sekolah daif. Skor ini mempunyai 7 tahap, di mana tahap 6 adalah bangunan yang tidak selamat dengan pengesahan daripada JPN dan PPD. Manakala, tahap 7 adalah bangunan yang tidak selamat dengan pengesahan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR). Melalui penilaian ini, KPM dapat menentukan keutamaan untuk melaksanakan projek pembangunan semula atau menaik taraf bangunan sekolah yang tidak selamat digunakan.

Antara langkah yang diambil oleh KPM bagi menangani isu bangunan daif di sekolah adalah melakukan penyelenggaraan bagi bangunan sekolah yang masih boleh diperbaiki iaitu yang berada di skala 6, manakala bangunan yang telah disahkan tidak selamat oleh JKR yang berada di skala 7 akan dirancang dalam Rancangan Malaysia 5 tahun untuk pembangunan semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SMK Kalabakan adalah sekolah kerajaan yang mempunyai blok bangunan akademik daif berskala 6 dengan pengesahan daripada JPN. Pada masa ini, cadangan gantian bangunan daif di SMK Kalabakan masih dalam peringkat

penilaian oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah dan tindakan seterusnya adalah bagi mendapatkan pengesahan teknikal daripada Jabatan Kerja Raya. Perkara yang perlu diselesaikan juga oleh KPM adalah berkaitan status tanah SMK Kalabakan yang masih merupakan hak milik Kerajaan Negeri.

Oleh demikian, status pemilikan tanah tersebut perlu ditukar terlebih dahulu kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi membolehkan cadangan projek gantian bangunan SMK Kalabakan dibiayai melalui peruntukan pembangunan Persekutuan.

KPM akan mengadakan sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri Sabah bagi menyelesaikan status tanah SMK Kalabakan pada pertengahan September 2020. Setelah perkara tersebut diselesaikan, KPM akan mengemukakan permohonan pembangunan fizikal sekolah ini kepada Agensi Pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sektor perbankan dan sama ada kadar peratusan yang menurun ini akan menyukarkan lagi ekonomi dan perniagaan untuk pulih semula. Nyatakan prestasi pengeluaran bantuan dan pinjaman yang diumumkan oleh Kerajaan kepada perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada bulan Mei 2020, pertumbuhan pinjaman terkumpul secara keseluruhan kekal pada 3.9% (Disember 2019: 3.9%), disokong oleh pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul (Mei 2020: 4.5%, Disember 2019: 3.3%) yang didorong oleh permohonan pinjaman untuk modal kerja yang lebih tinggi. Sementara itu, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana (Mei 2020: 3.2%, Disember 2019: 4.7%) berikutan permintaan terhadap pinjaman isi rumah yang lebih rendah, terutamanya untuk pinjaman perumahan, berikutan tamatnya Kempen Pemilikan Rumah pada tahun 2019, dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada pertengahan bulan Mac.

NO SOALAN :34

2. Paras pengeluaran pinjaman kekal lemah bagi kebanyakan sektor perniagaan dan semua tujuan pinjaman isi rumah, disebabkan oleh permohonan yang berkurangan semasa fasa PKP. Walau bagaimanapun, perniagaan dan isi rumah yang berdaya maju masih mempunyai akses kepada pembiayaan, dengan kadar kelulusan bagi perniagaan dan isi rumah pada amnya kekal stabil dengan kadar yang menjurus kepada purata lima tahunnya.
3. Bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) khususnya, pembiayaan yang diluluskan oleh institusi kewangan daripada bulan Januari 2020 hingga bulan Mei 2020 berjumlah RM26.4 bilion kepada 51,500 PKS (Januari – Mei 2019: RM28.5bil; 48,700 PKS). Walaupun kelulusan mengikut jumlah menurun sebanyak 7.2%, kelulusan mengikut bilangan akaun meningkat sebanyak 5.8%. Ini mencerminkan peningkatan kelulusan pembiayaan dengan jumlah pembiayaan (*ticket size*) yang lebih kecil bagi setiap PKS.
4. Sektor perbankan terus komited dalam usaha membantu PKS. Bagi tempoh yang sama, sejumlah RM97.4 bilion telah dikeluarkan (*disbursed*) kepada PKS. Namun begitu, usaha ini harus diseimbangkan dengan tanggungjawab fidusiari institusi kewangan untuk memastikan deposit daripada orang ramai adalah terpelihara pada setiap masa. Sebarang pinjaman yang dibuat menggunakan dana pendeposit perlu dilakukan secara berhemat.

Sekian, terima kasih.